

# Boikot dolar AS – Dr. M

▶ Apabila AS menjadi miskin, negara itu tidak lagi menjadi pembuli kepada negara-negara kecil dalam arena antarabangsa

Um-30/7/2006

– Dr. Mahathir Mohamad

Oleh YUSRI SAHAT

**LANGKAWI** 29 Julai – Masyarakat dunia terutama Kesatuan Eropah (EU) perlu memboikot mata wang dolar Amerika Syarikat (AS) dalam sebarang urusan perniagaan antarabangsa bagi melumpuhkan ekonomi negara itu sekali gus menghentikan kekejaman yang dilakukan oleh sekutunya, Israel terhadap Palestin dan Lebanon.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, tidak ada jalan lain dapat dilakukan oleh dunia untuk menghentikan kekejaman Israel selain melumpuhkan ekonomi proksinya, AS sehingga menjadi sebuah negara miskin.

Dunia, tegasnya, tidak boleh mengharap sama sekali kepada AS untuk menghentikan kekejaman Israel kerana kuasa besar itu sebenarnya dikongkong oleh negara Yahudi itu.

“Apabila AS menjadi miskin, negara itu tidak lagi menjadi pembuli kepada negara-negara kecil dalam arena antarabangsa.

“Ini adalah cara untuk memberikan tekanan kepada AS. Dunia mempunyai banyak pilihan mata wang seperti euro, yen, dinar emas dan sebagainya sebagai menggantikan dolar AS dalam urusan ekonomi antarabangsa,” katanya kepada pemberita selepas melawat kedai roti miliknya, The Loaf Bakery di Telaga Harbour, Pantai Kok dan Jetty Point di Kuah di sini hari ini.

Beliau mengulas kekejaman Israel terhadap Palestin dan Lebanon di Asia Barat yang mengorbankan beribu-ribu orang awam termasuk wanita, orang tua, ka-

nak-kanak dan bayi.

Dr. Mahathir berkata, dolar AS dianggap bernilai selagi wujud permintaan daripada negara-negara lain dalam urusan perniagaan antarabangsa terutama minyak.

“Apabila permintaan tidak ada lagi, nilainya akan jatuh dan apabila jatuh ia akan memberi mesej kepada AS yang selama ini bergantung kepada simpanan mata wang asing dalam dolar AS,” katanya.

Menurut beliau, Malaysia pernah meminta negara-negara terutama dunia ketiga supaya tidak menyimpan mata wang dolar AS tetapi kebanyakan negara berkenaan takut untuk menghadapi tekanan daripada kuasa besar itu.

“Kononnya, AS akan serang negara-negara ini jika mereka tidak menggunakan dolar AS dalam urusan perniagaan antarabangsa terutama dengan kuasa besar itu,” jelasnya.

Sehubungan itu, tegasnya, jika EU bersungguh-sungguh dan ikhlas menghentikan kekejaman yang berlaku di Asia Barat itu, kuasa-kuasa dari Eropah perlu menghentikan penggunaan dolar AS dalam urusan perniagaan antarabangsa.

“EU kononnya mengancam Israel tetapi tindakan itu tidak ada gunanya. Mereka perlu berbuat sesuatu kerana ini adalah pembunuhan beramai-ramai secara kejam. Musnah negara Lebanon yang baru dipulihkan.

“Selepas ini Israel akan menyerang Syria dan Iran dengan alasan yang sama iaitu negara-negara ini memberi perlindungan kepada penganas,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, usaha memboikot



**MACAM NI...** Dr. Mahathir Mohamad memotong sebuku roti yang baru siap dimasak sambil diperhatikan dua cucunya, Othman Mirzan (dua kiri) dan Khatijah Mirzan (kiri sekali) sewaktu melawat kedai roti 'The Loaf' di Telaga Harbour Park, semalam.

– Bernama

mata wang dolar AS perlu dilakukan bermula sekarang bagi melumpuhkan ekonomi kuasa besar itu dalam jangka masa panjang.

“Tidak ada jangka masa pendek kerana kekejaman yang dilakukan oleh Israel telah menjangkau lebih 60 tahun. Jika kita memulakan langkah ini 10 tahun lalu, mungkin usaha itu telah berhasil tetapi dulu kita tidak berbuat apa-apa.

“Jika kita buat sekarang, kita mungkin dapat melihat hasilnya 10 tahun akan datang. Negara ini (Israel) tidak ada nilai-nilai moral dan bertindak tanpa ada perasaan

kemanusiaan,” katanya.

Dr. Mahathir juga kecewa dengan sebahagian daripada negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang menyokong dasar-dasar luar AS kerana sebab-sebab tertentu.

“Negara-negara OIC sebahagian menyokong AS dan sebahagian lagi menentang tetapi umumnya mereka tidak berani berbuat apa-apa dan kita tidak boleh harap OIC akan membuat apa-apa. OIC mungkin bertindak jika EU dan dunia berbuat sesuatu,” tambahnya.